

TARIKH	25 / 7 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	16	RUANGAN	MWS

Syukuri nikmat Ilahi

PM ajak rakyat pertahan keamanan negara

>>Oleh Malamalina Mohamed Amin

KUALA LUMPUR: Dalam pada umat Islam tempatan menjalani ibadah puasa dengan penuh kemakmuran, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak semalam terus mengingatkan semua supaya sentiasa bersyukur dengan nikmat dan keberkatan yang Allah SWT kurniakan kepada negara ini.

Katanya, rasa kesyukuran itu perlu terus dipanjatkan kerana sehingga Ramadan keempat, umat Islam masih dapat menjalani ibadah dengan tenang, selamat dan tanpa rasa gentar.

"Ini rahmat yang Tuhan beri kepada kita dan sebagaimana kita tahu satu demi satu negara Islam lain tidak menerima kenikmatan sama yang kita anggap biasa ini, hingga kita tak anggap ia sebagai rahmat yang harus disyukuri.

"Seperti yang anda tahu, kerajaan sudah buat keputusan untuk bawa balik pelajar kita dari Syria dan mereka sedang berlepas pulang. Ini adalah contoh dan iktibar kepada kita jika keamanan tak dipelihara.

"Namun, mudah-mudahan keadaan aman makmur yang negara kecapai sekarang terus berpanjangan dan ia juga berkat daripada kelakuan kita sebagai umat Islam dan bukan Islam yang cintakan keamanan," katanya. Beliau berkata demikian pada Majlis Berbuka Puasa sempena Sumbangan Aidilfitri dan Pelajar Cemerlang Persatuan Kebajikan

Anak-Anak Yatim Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (Perkayatom).

Hadir sama isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor yang juga Penaung Perkayatom; Pengerusi Tabung Haji yang juga Yang Dipertua Perkayatom, Tan Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor dan Pengarah Urusan Kumpulan Lembaga Tabung Haji, Datuk Paduka Ismee Ismail.

Seramai 671 anak yatim menerima sumbangan Aidilfitri iaitu duit raya dan biskut selain 11 daripada mereka diberi sumbangan penghargaan atas keputusan cemerlang dalam Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Turut diberi sumbangan ialah anak yatim muafal berketurunan India, Cina dan Orang Asli dari Selangor.

Najib dalam ucapannya turut menyifatkan amalan meraikan anak yatim pada Ramadan ini sebagai suatu yang cukup mulia berikutan mereka tergolong dalam orang yang tinggi darjatnya dalam Islam.

"Mereka disebut 23 kali dalam kitab suci al-Quran dan terdapat hadis yang menyebut jelas untuk kita menjaga kebajikan anak yatim.

"Saya berharap penjaga kepada anak ini sentiasa prihatin, memantau dan melaporkan sebarang isu kebajikan anak ini kepada persatuan dinaungi kerana sebarang perkara susah men-

jadi mudah jika kita berkongsi bersama," katanya.

Beliau juga berharap amalan melindungi anak yatim akan dipegang kukuh masyarakat Islam tempatan seperti diamanatkan Rasulullah SAW yang menyebut sebaik-baik rumah Muslimin itu, ada di dalamnya anak yatim yang dipelihara dengan baik.



REZEKI...Najib bersama Rosmah menyampalkan duit raya kepada anak yatim cemerlang.



SELAMAT HARI LAHIR...Najib memotong kek sempena ulang tahun kelahirannya sambil disaksikan Rosmah dan pelajar cemerlang Perkayatom, semalam.